

16 SEP 1998

DR MAHATHIR BUAT LAWATAN MENGEJUT KE BUKIT JALIL

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan mengejut ke Stadium Nasional, Bukit Jalil hari ini bagi menyaksikan acara olahraga.

Dr Mahathir diberi penerangan mengenai acara trek dan padang yang bermula hari ini oleh chief-de-mission Malaysia Datuk Khalid Yunus.

Selepas 30 minit di stadium itu, Dr Mahathir kemudian mengunjungi Pusat Akuatik Nasional.

Perdana Menteri juga melawat Pusat Skuasy Nasional.

--BERNAMA

ES SBJ